



Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 ( **55** )

Tarikh : **20** Disember 2019

Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA***  
***BILANGAN 16 TAHUN 2019***

**PELAKSANAAN PENGENALAN TULISAN JAWI DALAM KURIKULUM MATA  
PELAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK MURID TAHUN 4 SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN MULAI TAHUN 2020**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) mulai tahun 2020.

2. Pengenalan Tulisan Jawi dilaksanakan sebagai pengisian dalam aspek seni bahasa dan untuk memperkaya murid dengan pengetahuan mengenai seni, warisan dan sejarah bahasa Melayu.
3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 dan 1 November 2019 telah membuat keputusan mengenai pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi di SJK seperti berikut:
  - 3.1 Tulisan Jawi dikekalkan dengan nama Pengenalan Tulisan Jawi dan bukannya khat.

- 3.2 Pengenalan Tulisan Jawi hanya pada peringkat asas yang dilaksanakan secara pilihan untuk murid Tahun 4 mulai tahun 2020, murid Tahun 5 pada tahun 2021 dan murid Tahun 6 pada tahun 2022.
  - 3.3 Pengenalan Tulisan Jawi hanya dilaksanakan jika dipersetujui oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa serta murid di SJK. Bagi SJK yang tidak mempunyai PIBG, pelaksanaannya perlu mendapat persetujuan daripada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), ibu bapa serta murid.
  - 3.4 Pengenalan Tulisan Jawi tidak dinilai dalam apa-apa ujian atau peperiksaan.
4. Pengajaran dan pembelajaran Pengenalan Tulisan Jawi di SJK hendaklah menggunakan DSKP Bahasa Melayu Tahun 4 SJK yang telah dibuat pindaan berkaitan Standard Pembelajaran 4.4.1 dan 4.4.2. DSKP tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://bpk.moe.gov.my>.
  5. Pihak sekolah hendaklah merujuk Garis Panduan seperti yang dilampirkan.
  6. Surat siaran ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
  7. Sehubungan dengan itu, Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2019 : Pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi dalam Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu kepada Murid Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2020 bertarikh 5 Disember 2019 adalah **dibatalkan**.

8. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**Dr. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM**

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

8. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir
9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGENALAN TULISAN JAWI DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK MURID TAHUN 4 DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN MULAI TAHUN 2020**

#### **1.0 Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang tatacara Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) / Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) membuat keputusan bagi pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi dalam Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu untuk Murid Tahun 4 di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) mulai Tahun 2020.

#### **2.0 Pendahuluan**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 dan 1 November 2019 telah membuat keputusan supaya Pengenalan Tulisan Jawi hanya dilaksanakan jika dipersetujui oleh PIBG, ibu bapa serta murid di SJK. Bagi SJK yang tidak mempunyai PIBG, pelaksanaannya perlu mendapat persetujuan daripada LPS, ibu bapa serta murid.

### 3.0 Tatacara Pelaksanaan

3.1 PIBG melalui Guru Besar di SJK, hendaklah melaksanakan perkara seperti yang berikut:

- i. mengedar borang pilihan persetujuan ibu bapa (Lampiran 1) pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi kepada semua ibu bapa murid sekolah berkenaan;
- ii. menetapkan tempoh masa selama 14 hari dari tarikh borang tersebut diedarkan untuk ibu bapa mengembalikan borang berkenaan kepada pihak PIBG; dan
- iii. mengumpulkan borang pilihan persetujuan ibu bapa dan meminta PIBG mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa;

3.2 PIBG mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa bagi membuat analisis borang pilihan persetujuan ibu bapa. Keputusan pilihan ibu bapa ditentukan dengan mengambil kira sekurang-kurangnya majoriti mudah (51%) daripada ibu bapa membuat pilihan bersetuju bagi pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi untuk murid Tahun 4 bermula tahun 2020;

3.3 Jawatankuasa PIBG membuat keputusan, sama ada bersetuju atau tidak bersetuju pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi. Keputusan itu mewakili persetujuan PIBG, ibu bapa dan murid sekolah tersebut.

- 3.4 Keputusan dalam para 3.3 diminitkan, disahkan dan dimaklumkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi tujuan kelulusan melaksanakan atau tidak melaksanakan Pengenalan Tulisan Jawi di sekolah berkenaan. PPD akan memanjangkan keputusan tersebut kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
- 3.5 Bagi SJK yang tidak mempunyai PIBG, pihak LPS hendaklah melaksanakan tatacara yang sama seperti di para 3.1 hingga 3.4 untuk mendapatkan keputusan pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi untuk murid Tahun 4 di SJK bermula 2020.

#### **4.0 Penutup**

Garis Panduan ini dikeluarkan dengan maksud menjelaskan tatacara PIBG/LPS membuat keputusan bagi pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi dalam Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu untuk Murid Tahun 4 di Sekolah Jenis Kebangsaan mulai Tahun 2020.

**Kementerian Pendidikan Malaysia  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya**



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

### SENARAI SEMAK

### PELAKSANAAN PENGENALAN TULISAN JAWI DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK MURID TAHUN 4 DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN MULAI TAHUN 2020

Rajah 1: Senarai Semak Pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi untuk Murid Tahun 4 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Mulai Tahun 2020


BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN
1	Mengedar borang pilihan persetujuan ibu bapa pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi kepada semua ibu bapa murid sekolah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PIBG</li> <li>• LPS (bagi sekolah yang tiada PIBG)</li> <li>• Sekolah</li> </ul>
2	Menerima dan mengumpulkan borang pilihan persetujuan ibu bapa dalam tempoh 14 selepas borang tersebut diedarkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PIBG</li> <li>• LPS (bagi sekolah yang tiada PIBG)</li> <li>• Sekolah</li> </ul>
3	Mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PIBG/LPS untuk membuat analisis borang pilihan persetujuan ibu bapa.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PIBG</li> <li>• LPS (bagi sekolah yang tiada PIBG)</li> <li>• Sekolah</li> </ul>
4	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PIBG/LPS membuat keputusan tentang pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi. Keputusan diminitkan, disahkan dan dimaklumkan kepada PPD dan dipanjangkan kepada JPN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PIBG</li> <li>• LPS (bagi sekolah yang tiada PIBG)</li> <li>• Sekolah</li> </ul>
5	Sekolah melaksanakan atau tidak melaksanakan Pengenalan Tulisan Jawi berdasarkan kepada keputusan PIBG/LPS.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah</li> </ul>





## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

### CARTA ALIR PELAKSANAAN PENGENALAN TULISAN JAWI DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK MURID TAHUN 4 DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN MULAI TAHUN 2020



**BORANG PILIHAN PERSETUJUAN IBU BAPA**

**PELAKSANAAN PENGENALAN TULISAN JAWI  
DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU  
UNTUK MURID TAHUN 4 DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN  
MULAI TAHUN 2020**

---

**Arahan:**

- i. Borang ini hendaklah diisi oleh ibu bapa/penjaga murid.
- ii. Sila tandakan (√) pada ruang yang disediakan.
- iii. Keputusan ibu bapa/penjaga merupakan keputusan bersama ibu bapa dan murid

Saya **BERSETUJU** untuk anak saya mengikuti Pengenalan Tulisan Jawi dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 mulai tahun 2020.

Saya **TIDAK BERSETUJU** untuk anak saya mengikuti Pengenalan Tulisan Jawi dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 mulai tahun 2020.

.....  
(Tandatangan Ibu Bapa/Penjaga)

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tarikh : .....